# Product Disclosure Sheet

**This Product Disclosure Sheet ('PDS') provides you with key information on your family takaful. Other customers have read this PDS and found it helpful; you should read it too.**

| | |
|---|---|
| Name of takaful operator | FWD Takaful Berhad ('FWDT') |
| Product name | Takaful Reducing Term Cover ('TRTC') for Home Financing |
| Initial sum covered | RM 500,000 |

## 1 What is TRTC?

TRTC is a regular contribution family takaful plan that provides takaful protection against death and Total and Permanent Disability ('TPD') for the Covered Person.

Shariah concept applicable:

- Wakalah: The contract where the participant appoints FWDT to manage the Family Risk Fund ('FRF') and the relevant participants' funds in accordance with Shariah principles. Participant agrees to remunerate FWDT on pre-agreed basis for the services provided.
- Tabarru': A donation for the purpose of takaful where participants agree to assist each other financially in case of certain defined needs.
- Ju'alah: This is the reward to FWDT for the good performance of the FRF and Participant Fund ('PF') it manages.
    a. FRF: FWDT will be rewarded with a 50% share of the distributable surplus from the FRF and the remaining 50% will be distributed to eligible participants.
    b. PF: 10% of the profit from the PF will be rewarded to the FWDT as an incentive.
- Qard: An interest-free loan by FWDT to the FRF if it is in deficit. The loan is repayable from the future surplus arising in the FRF.

## 2 Know Your Coverage/Benefits

| **As an illustration,** for **RM1,068.17** annually, a 30-year-old (age last birthday) male in occupation class 1 will receive the following takaful **coverage/benefits**: | |
|---|---|
| Death benefit | We will pay the Reducing Sum Covered and account value in the PF. |
| TPD benefit | ▪ We will pay the Reducing Sum Covered and account value in the PF.<br>▪ The TPD coverage is until the Covered Person reaches the age of 65 on his certificate anniversary or expiry date, whichever is earlier. |
| Maturity benefit | We will pay your account value in the PF. |

Note:

- For illustration purposes, the figures shown are based on an initial sum covered of RM500,000 with coverage term of 35 years.
- Please refer to the certificate and Product Illustration for further details.

Your family takaful excludes:

- Death benefit: Suicide within twelve months from the issue date or reinstatement date of the certificate, whichever is later.
- TPD benefit:
    - Attempted suicide, self-inflicted injury or self-inflicted illness.
    - Participation in any dangerous or professional sporting activity or hobbies.
    - Travel in an aircraft, aerial conveyance or device.
    - Racing other than on foot.
    - Violation or attempted violation of any law or resistance to arrest.
    - Services in armed forces in a war.
    - Riot, civil commotion, strike or terrorist activities.
    - Wilful misuse of alcohol or taking of drugs.

Note: This list is **non-exhaustive**. Please refer to the certificate for the full list of limitation and exclusions.

**If you have any questions or require assistance on your family takaful, you can:**

| Call us at: | Visit us at: | Email us at: | Scan the QR code above for claim details |
|---|---|---|---|
| 1 300 13 7988 | www.fwd.com.my | contact.my@fwd.com | |

SAMPLE

FWD takaful

## 3 Know Your Obligations

**For your family takaful, you must pay contribution[1] of RM1,068.17 annually for 35 years.**

**You also have to pay the following fees and charges:**

| Contribution year | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11+ |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Wakalah fee (%) | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% |
| Wakalah fee (RM) | 160 | 160 | 160 | 160 | 160 | 160 | 160 | 160 | 160 | 160 | 160 |
| Commission (%) | 20.00% | 5.00% | 5.00% | 5.00% | 5.00% | 5.00% | 5.00% | 5.00% | 5.00% | 5.00% | - |
| Commission (RM) | 214 | 53 | 53 | 53 | 53 | 53 | 53 | 53 | 53 | 53 | - |

The total wakalah fees[2] that you have to pay are RM5,608.05 or 15.00% of your total contributions over the certificate term, of which includes total commission of RM694.32 or 1.86% as well as total management expenses of RM4,913.73 or 13.14%.

| | |
|---|---|
| Monthly service fee | RM 10.00 per month will be deducted from your account value throughout the coverage period. |
| Tabarru' charge | This will be deducted monthly from your account value in the PF. |

*[1]The contribution and certificate terms may vary depending on our underwriting requirement.*

*[2]Percentage of your contributions that are unallocated, used to pay our expenses and direct distribution costs, including commission to bank representative/financial executive.*

Note:
- For illustration purposes, the figures shown are based on an initial sum covered of RM500,000 with coverage term of 35 years.
- Please refer to the Product Illustration for further details.

## 4 Other Key Terms

- **Importance of disclosure:** You must disclose all material facts such as your health condition and state your age correctly. Otherwise, you may risk having your claim rejected or certificate terminated.
- **Assignment:** You may assign your certificate at any time to your financing provider by filling up the relevant form.
- **Nomination:** You may nominate a person to receive the death benefit either as an executor or a beneficiary. If the certificate is assigned to the financing provider, the benefits will be paid first to the assignee to settle outstanding financing. The balance of the benefits, if any, will then be payable to the nominee.
- **Early settlement of financing:** You may choose to continue with the coverage if you settle your financing earlier. In the event of claim, the benefits will be payable to you or your nominee.
- **Non-payment of contribution:** If you've missed your contribution on due date, we'll deduct tabarru' and monthly service fee from your account value in the PF. Your certificate may terminate once your account value is exhausted.
- **Reinstatement:** If your certificate lapse, you can reinstate (restart) your certificate within one year of it ending if we agree to it.

Note: This list is **non-exhaustive**. Please refer to the certificate for the full list of the key terms and conditions.

## Can I cancel my certificate?

Yes, you may cancel your certificate by giving a written notice to us.

- **Free-look period:** If you are unsatisfied with your certificate within 15 days after you receive it, you can contact us to cancel it. We will refund the contribution paid less any medical fee we have paid.
- **Surrender:** You may surrender your certificate after the free-look period. Your certificate will end and you will receive the surrender value (if any). You will not be able to reinstate your certificate after you cancel it.

The benefit(s) payable under eligible product is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact FWD Takaful or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

SAMPLE

FWD takaful

# Risalah Pemberitahuan Produk

**Risalah Pemberitahuan Produk ('RPP') ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga disarankan untuk membacanya.**

| | |
|---|---|
| Nama pengendali takaful | FWD Takaful Berhad ('FWDT') |
| Nama produk | Takaful Reducing Term Cover ('TRTC') for Home Financing |
| Jumlah perlindungan permulaan | RM 500,000 |

## 1 Apa itu TRTC?

TRTC ialah pelan takaful sumbangan berkala yang menyediakan perlindungan terhadap kematian dan Hilang Keupayaan Menyeluruh dan Kekal ('HKMK') bagi Orang yang Dilindungi.

Konsep Syariah yang diguna pakai:

- Wakalah: Kontrak yang mana peserta melantik FWDT untuk mengurus Dana Risiko Keluarga ('DRK') dan dana peserta yang berkaitan berlandaskan prinsip Syariah. Peserta bersetuju untuk memberi upah tertentu kepada FWDT seperti yang dipersetujui atas perkhidmatan yang diberikan.
- Tabarru': Derma untuk tujuan takaful yang mana para peserta bersetuju untuk membantu antara satu sama lain dari segi kewangan jika berlaku keadaan yang tertentu.
- Ju'alah: Ia adalah ganjaran kepada FWDT atas prestasi yang baik dalam pengurusan DRK dan Dana Peserta ('DP').
  a. DRK: FWDT akan menerima ganjaran sebanyak 50% daripada lebihan yang boleh diagihkan daripada DRK dan baki 50% akan diagihkan kepada peserta yang layak.
  b. DP: 20% daripada keuntungan berkaitan dengan DP akan diberikan kepada FWDT sebagai insentif.
- Qard: Pinjaman tanpa faedah oleh FWDT kepada DRK sekiranya DRK mengalami defisit. Pinjaman tersebut akan dibayar balik daripada lebihan DRK pada masa hadapan.

## 2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

**Sebagai ilustrasi,** untuk **RM1,068.17** setiap tahun, seorang lelaki berumur 30 tahun (umur pada hari lahir terakhir) daripada kelas pekerjaan 1 akan menerima **perlindungan/manfaat** takaful berikut:

| | |
|---|---|
| Manfaat kematian | Kami akan membayar Jumlah Perlindungan Berkurangan dan nilai akaun dalam DP. |
| Manfaat HKMK | ▪ Kami akan membayar Jumlah Perlindungan Berkurangan dan nilai akaun dalam DP.<br>▪ Perlindungan HKMK adalah sehingga Orang yang Dilindungi berumur 65 tahun pada ulang tahun sijil atau tarikh luput, yang mana berlaku dahulu. |
| Manfaat kematangan | Kami akan membayar nilai akaun anda dalam DP. |

Nota:

- Untuk tujuan ilustrasi, nilai yang ditunjukkan adalah berdasarkan jumlah perlindungan permulaan sebanyak RM500,000 dengan tempoh perlindungan selama 35 tahun.
- Sila rujuk sijil dan Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut.

Takaful keluarga anda mengecualikan:

- Manfaat kematian: Bunuh diri dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh dikeluarkan atau tarikh penyambungan semula sijil ini, yang mana terkemudian.
- Manfaat HKMK:
  - Percubaan membunuh diri, kecederaan yang dilakukan dengan sendiri atau penyakit yang dilakukan dengan sendiri.
  - Pembabitan dalam sebarang aktiviti sukan profesional atau hobi-hobi yang merbahaya.
  - Perjalanan dengan menaiki kapal terbang, kenderaan atau peralatan udara.
  - Perlumbaan selain daripada berlari atau berjalan kaki.
  - Perlanggaran atau cubaan melanggar sebarang undang-undang atau menentang daripada ditangkap.
  - Perkhidmatan dalam angkatan tentera semasa peperangan.
  - Rusuhan, kekecohan awam, aktiviti-aktiviti mogok atau keganasan.
  - Penyalahgunaan alkohol atau pengambilan dadah.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk sijil untuk had dan pengecualian yang lengkap.

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai takaful keluarga anda, anda boleh:**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Hubungi kami di:<br>1 300 13 7988 | Layari laman web di:<br>www.fwd.com.my | E-mel kami melalui:<br>contact.my@fwd.com | Imbas kod QR di atas untuk melihat butiran tuntutan |

SAMPLE

## 3 Ketahui Tanggungjawab Anda

**Untuk takaful keluarga anda, anda harus membayar sumbangan[1] sebanyak RM1,068.17 setiap tahun untuk 35 tahun.**

**Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:**

| Tahun sumbangan | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11+ |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Fi wakalah (%) | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% | 15.00% |
| Fi wakalah (RM) | 160 | 160 | 160 | 160 | 160 | 160 | 160 | 160 | 160 | 160 | 160 |
| Komisen (%) | 20.00% | 5.00% | 5.00% | 5.00% | 5.00% | 5.00% | 5.00% | 5.00% | 5.00% | 5.00% | - |
| Komisen (RM) | 214 | 53 | 53 | 53 | 53 | 53 | 53 | 53 | 53 | 53 | - |

Jumlah yuran wakalah yang anda perlu bayar adalah sebanyak RM5,608.05 atau 15.00% daripada sumbangan anda semasa tempoh sijil, yang mana termasuk jumlah komisen sebanyak RM694.32 atau 1.86% serta jumlah perbelanjaan pengurusan sebanyak RM4,913.73 atau 13.14%.

| | |
|---|---|
| Fi perkhidmatan bulanan | RM 10.00 akan ditolak setiap bulan daripada nilai akaun anda sepanjang tempoh perlindungan. |
| Caj tabarru' | Tabarru' akan ditolak setiap bulan daripada nilai akaun anda dalam DP. |

[1]*Sumbangan dan terma sijil mungkin berbeza bergantung pada syarat pengunderaitan kami.*
[2]*Peratusan daripada sumbangan anda yang tidak diperuntukkan, digunakan untuk membayar perbelanjaan kami dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen kepada wakil/eksekutif kewangan bank.*

Nota:
- Untuk tujuan ilustrasi, nilai yang ditunjukkan adalah berdasarkan jumlah perlindungan permulaan sebanyak RM500,000 dengan tempoh perlindungan selama 35 tahun.
- Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut.

## 4 Terma Utama Lain

- **Kepentingan untuk membuat pendedahan:** Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan anda dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, terdapat risiko tuntutan anda mungkin ditolak, atau sijil anda ditamatkan.
- **Penyerahan hak:** Anda boleh menyerahkan hak sijil anda kepada penyedia pembiayaan dengan mengisi borang yang berkaitan.
- **Penamaan:** Anda boleh menamakan seseorang sama ada sebagai wasi atau benefisiari untuk menerima manfaat kematian. Jika sijil diserahkan hak kepada penyedia pembiayaan, manfaat tersebut akan dibayar terdahulu kepada penyerah hak untuk menyelesaikan pembiayaan. Baki daripada manfaat tersebut, jika ada, akan dibayar kepada penama.
- **Penyelesaian awal pembiayaan:** Anda boleh memilih untuk meneruskan perlindungan jika pembiayaan diselesaikan lebih awal. Sekiranya berlaku tuntutan, manfaat akan dibayar kepada anda atau penama anda.
- **Tiada bayaran sumbangan:** Jika anda tidak membayar sumbangan pada tarikh yang ditetapkan, kami akan menolak tabarru' dan fi perkhidmatan bulanan daripada nilai akaun anda dalam DP. Sijil anda akan ditamatkan sekiranya nilai akaun anda habis.
- **Penyambungan semula:** Jika sijil anda luput, anda boleh menyambung semula sijil anda dalam tempoh satu tahun setelah ia tamat jika kami bersetuju.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh terma dan syarat utama.

## Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh percubaan:** Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil anda dalam tempoh 15 hari selepas anda menerimanya, anda boleh menghubungi kami untuk membatalkannya. Kami akan memulangkan semula sumbangan yang telah dibayar selepas menolak sebarang fi perubatan yang telah kami bayar.
- **Serahan:** Anda boleh membatalkan sijil anda selepas tempoh percubaan. Sijil anda akan tamat dan anda akan menerima jumlah nilai serahan (jika ada). Anda tidak boleh menyambung semula sijil anda setelah sijil anda dibatalkan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

SAMPLE